

PENULISAN ESEI

TAJUK ESEI: Inisiatif Mendepani Gangguan Teknologi bagi Muslim yang Efektif

PENULIS: Nur Hidayah Abdul Aziz

Tarikh diterbitkan: 15 Januari 2021

Manusia pada fitrahnya bersifat lemah dan serba kekurangan. Kendatipun begitu, apalah gunanya akal jika tidak diguna pakai. Akal yang ada pada manusia inilah yang memberi manfaat untuk manusia menutup lubang-lubang sifat lemah dan menunjukkan betapa serba kurangnya manusia. Melalui akal, terciptalah pengetahuan ilmiah dan melalui pengetahuan ilmiah pula, lahirlah idea kreatif. Aliran yang kompleks ini telah memicu wujudnya teknologi. Umum mengetahui bahawa tujuan asal penciptaan teknologi adalah untuk memudahkan manusia. Namun, zaman silih berganti. Perkembangan teknologi semakin pesat. Teknologi yang semakin canggih, tidak terkecuali daripada kesan negatifnya. Sungguh, setiap sesuatu tidak semuanya sempurna, pasti kekurangan dan keburukannya. Teknologi telah menjadi salah satu cabaran yang besar kepada umat manusia, khususnya umat Islam. Pernahkah terlintas dalam fikiran, bahawa kemudahan boleh bertukar menjadi cabaran yang berbentuk gangguan dalam kehidupan majoriti manusia? Setiap persoalan pasti ada penerangan yang tepat.

Kajian mendapati, terdapat begitu banyak faktor yang menjadi punca terjadinya gangguan teknologi. Faktor yang paling utama ialah, berlakunya penyalahgunaan teknologi. Hal ini tertumpu kepada teknologi maklumat yang telah mempelopori bidang Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT). Berpunca dari penyalahgunaan inilah, wujudnya elemen-elemen negative. Perkara ini hendaklah diambil berat oleh semua orang. Setiap Muslim haruslah sentiasa peka dan bersedia untuk menghadapi cabaran-cabaran ini. Terdapat banyak kejadian yang membuktikan kejatuhan segelintir Muslim akibat terjerumus ke dalam kancang negatif teknologi. Salah satu bentuk teknologi yang tidak asing lagi ialah Internet. Gangguan dari Internet meliputi teknologi secara komprehensif. Akan diterangkan di sini bagaimana manfaat bertukar kepada cabaran dan bagaimana pula muslim mampu menghadapi gangguan teknologi yang boleh membawa kepada keruntuhan akhlak, rosaknya akidah dan kejatuhan jati diri.

Pertama sekali, sebelum berdepan dengan apa jua tentangan bukan sahaja dugaan Internet, penting untuk setiap muslim menjaga dirinya sendiri melalui lidah dan tangannya seperti yang dimaksudkan dalam hadis di bawah:

Daripada 'Abdullah bin 'Amr RA daripada Nabi SAW bersabda: "Seorang Muslim (yang sempurna Islamnya) ialah (apabila) seseorang Muslimin (yang lain) selamat daripada (keburukan) lidahnya dan tangannya, manakala seorang muhajir (yang berhijrah) adalah seseorang yang meninggalkan segala yang dilarang oleh Allah SWT." (Hadith riwayat al-Bukhari, No. 10, 6484, Muslim, No. 40

Majoriti asbab terjerumusnya Muslim dalam mendepani teknologi adalah melalui lisan dan tangannya sendiri. Arus nafsu yang mengalir dalam diri umat Islam menjadi ujian buat mereka. Sebagai contoh, berlakunya pembulian siber di akaun media sosial. Antara yang sering berlaku ialah memaki hamun fizikal seseorang. Selain itu, jenaka dalam agama juga begitu mudah dihamburkan dalam bentuk tulisan. Tangan yang menaip jugalah menjadi saksi. Bukan sahaja dipersendakan oleh orang kafir, malah orang Islam juga turut mempersendakan agama sendiri. Umpamanya, menggunakan kalimat Allah pada tempat yang tidak sewajarnya. Berlakunya hal sedemikian adalah kerana kurangnya kesedaran sivik dan didikan agama. Sebagai muslim yang baik, hendaklah kita membina kesedaran sivik dengan memahami dan mempelajari makna kehidupan dan sentiasa meluangkan masa untuk bermuhasabah diri kerana bersendirian itu juga adalah terapi diri.

Peranti elektronik seperti laptop, telefon pintar dan *tablet* menjadi keperluan, bukan lagi kehendak pada era ini. Menjadikan Media Sosial sebagai wahana penyebaran ilmu agama merupakan satu usaha memanfaatkan teknologi. Namun begitu, perkongsian ilmu melalui teknologi seperti ini juga menjadi cabaran kepada Muslim. Sebagai Muslim yang baik, hendaklah sama-sama kita memastikan maklumat yang diperoleh adalah daripada sumber yang sahih dan bertepatan dalam ajaran islam. Setiap umat Islam hendaklah bertanggungjawab untuk tidak menyebarkannya jika maklumat yang diperoleh dari internet meragukan. Contoh yang sering berlaku adalah terdapatnya banyak hadis daif yang dikongsi sewenang-wenangnya oleh umat Islam itu sendiri. Sebagai Muslim, kita perlulah belajar mengenal pasti hadis yang sahih dan hadis yang daif.

Penyebaran ilmu agama yang tidak benar, bukan dilakukan oleh umat Islam sahaja. Sebahagian besar golongan kafir juga mengambil peluang ini untuk menyesatkan lagi umat

Islam. Perkara sebegini mendorong kepada terpesongnya akidah dan amat mengancam umat Islam. Statistik memaparkan lebih daripada 2.044 billion pengguna Internet di seluruh dunia, tiada pilihan selain berdepan dengan gangguan sebegini. Surah-surah palsu juga dicipta. Oleh sebab itu, Muslim haruslah menuntut ilmu dan belajar biarlah berguru, jika tidak syaitanlah yang menjadi gurunya.

Kawalan terhadap penggunaan Internet begitu longgar menjadi punca berlakunya gangguan teknologi. Penghancuran maruah umat Islam terjadi kerana ajaran Islam dipersendakan. Contohnya, penghinaan terhadap Nabi Muhammad S.A.W. Dalam Media Sosial *Instagram* umpamanya, terdapat pertandingan yang dinamakan menggambar Muhammad. Sebagai Muslim yang baik, kita hanya mampu melakukan apa yang terdaya. Antara langkah yang boleh diambil adalah dengan melaporkan kepada pihak atasan hanya dengan menekan butang lapor (*report*) kerana telah menyentuh isu yang amat sensitif dan tidak menghormati agama Islam.

Padah kepada pengguna Muslim terhadap teknologi adalah kecenderungan kepada terpesongnya akidah. Contohnya, golongan *Lesbian, Gay, Bisexual, and Transgender* (LGBT) ini bukan sedikit bilangannya dari kalangan orang Islam. Rangkainnya yang begitu luas menyebabkan mereka tidak lagi malu mengaku mengingkari perintah Tuhan untuk berhubungan sesama jantina. Salah satu akaun di Media Sosial *Twitter* baru-baru ini, *#tetapbangga* tular bersama bendera pelangi yang telah menjadi simbolik golongan LGBT. Contoh sumber teknologi lain yang melibatkan akidah adalah *TikTok*. Begitu ramai wanita yang berpakaian seperti lelaki, begitu juga sebaliknya. Sedangkan hadis ada menyebut:

Dari Ibnu Abbas Radliyallaahu'anhu, dari Nabi s.a.w, bahawasanya baginda melaknat wanita yang menyerupai lelaki dan lelaki yang menyerupai wanita. (HR. Abu dawud juz 4,hal. 60, no. 4097)



Perkara sebegini amat membimbangkan kerana generasi Z kini amat mudah terjerumus. Jadi, orang dewasa perlu memainkan peranannya dengan lebih lagi untuk memantau anak-anak muda yang berada di sekeliling mereka agar tidak menyalahgunakan gajet sehingga boleh menjuruskan diri ke kancah kesesatan.

Dikongsikan di sini berkenaan dengan kandungan yang bercanggah dengan ajaran Islam di *YouTube*. Seorang *youtuber* telah memuat naik lakonannya berkaitan hubungan sejenis, dan ini telah mendapat sokongan orang ramai. Muslim yang mempunyai kesedaran seharusnya bertanggungjawab untuk tidak menyebarkanluaskannya. Setiap Muslim tidak sepatutnya memberi sokongan terhadap perkara-perkara sebegini. Salah satu cara yang efektif adalah dengan tidak mengikuti apa-apa akaun Media Sosial mereka, tidak melanggan kandungan di *YouTube*, juga tidak menekan butang *like* apa-apa yang dikongsikan oleh mereka. Bayangkan jika majoriti umat Islam melakukan tindakan sedemikian. Muslim yang baik dan efektif tidak akan rasa ketagih untuk memuat naik kandungan yang bertentangan dengan ajaran Islam. Walaubagaimanapun, Muslim haruslah sentiasa beringat, mengemukakan bukan jalan pintas untuk menghentikan masalah ini. Sebaliknya, tegurlah dengan cara yang berhemah seperti yang telah diajarkan oleh Islam iaitu penuh dengan kehormatan dan santun.

Bagaimana pula caranya Muslim yang baik mendepani jenayah siber? Melaporkan kepada pihak yang betul adalah tindakan yang paling rasional dan tepat sekali. Contohnya di

Malaysia, laporkan segala jenayah siber yang ditemui kepada Forum Kandungan Komunikasi dan Multimedia (FKKM). FKKM akan meneliti kandungan dan penyebaran maklumat melalui media elektronik seperti televisyen, radio, internet dan telefon bimbit. Umpamanya, bentuk pengiklanan terutamanya pengiklanan yang tidak wajar dan sah serta iklan-iklan yang mempunyai perkataan atau maksud yang sensitif serta sebarang bentuk bahan kandungan yang mengganggu gugat ketenteraman awam dan penipuan di Khidmat Pesanan Ringkas (SMS).



Hiburan juga amat berkait rapat dengan topik yang dibincangkan. Hiburan tidaklah dilarang oleh Islam, akan tetapi jika sampai melewati waktu solat, maka hiburan yang dibenarkan boleh bertukar menjadi punca Muslim mendapat dosa. Atur masa adalah caranya. Hiburan yang boleh menjerumuskan kepada dosa pula amat dilarang. Pengguna-pengguna ruangan *chit-chat* yakni sembang-sembang atau *chat room* seharusnya menggunakan ruangan ini untuk tujuan yang dibenarkan oleh Islam. Kebelakangan ini, ruangan ini digunakan untuk berkenalan, berbual-bual kosong, mengatur *dating* dan sebagainya. Telah banyak kes yang dipaparkan bagaimana perkenalan melalui ruangan ini telah mengundang kecelakaan dan kejahatan sosial di kalangan remaja. Di United Kingdom pernah berlaku remaja belasan tahun telah dirogol oleh seorang lelaki yang hanya dikenalnya melalui ruangan *chit-chat*. Muslim semestinya berperang dengan jiwa sendiri untuk mengelakkan perkara sebegini berlaku.

Secara komprehensifnya, tidak dapat disangkal lagi bahawa gangguan teknologi boleh berlaku setiap masa. Oleh itu, Muslim yang baik hendaklah sentiasa bersiap sedia untuk menghadapi cabaran sebegini. Cabaran seperti ini lebih kepada cabaran dalaman. Akidah dan ilmu yang cukup haruslah ditanam dan dijaga dengan baik. Setiap manusia tidak lari dari cabaran dan dugaan hidup, semestinya akan ada hari jatuh bangun untuk menjadi sebaik-baik Muslim. Semoga umat Islam berjaya mengharungi segala gangguan teknologi.